

BAHAGIAN A

Jawab semua soalan.

▶ TEMPATKU MENIMBA ILMU

- 1 Apakah yang mempengaruhi pemilihan nama sesebuah sekolah?
- | | |
|---------------|-----------------|
| I Nama jalan | III Nama bunga |
| II Nama tokoh | IV Nama artifak |
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

BT ms. 33

▶ SEJARAH SEKOLAH

- 2 Pada tahun 1956, Sekolah Kebangsaan Permatang Tok Mahat telah dipindahkan ke lokasi baharu. Mengapakah berlaku sedemikian?
- A Bencana alam
B Pertambahan murid
C Kekurangan penduduk
D Lokasi yang tidak strategik
- 3 Apakah kejayaan yang dicapai oleh Sekolah Kebangsaan Permatang Tok Mahat pada tahun 2005?
- A Sekolah Kluster Kecemerlangan
B Sekolah Harapan Negara
C Anugerah Sukan Negara
D Anugerah Murid Terpuji

BT ms. 36

BT ms. 37

▶ IDENTITI SEKOLAH

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan identiti Sekolah Kebangsaan Permatang Tok Mahat.

- Ikan
- Kapal
- Lautan

Apakah maksud penggunaan identiti tersebut?

- A Kepentingan ilmu pengetahuan
B Kepentingan mencapai kejayaan
C Kepentingan menyayangi sekolah
D Kepentingan memajukan diri sendiri

BT ms. 38

▶ ORGANISASI SEKOLAH

- 5 Encik X dipertanggungjawab untuk menyusun jadual peperiksaan di sekolah anda. Apakah jawatan yang disandang oleh Encik X?
- A Guru Besar
B Guru Pengetua Kanan
C Guru Penolong Kanan Pentadbiran
D Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid
- 6 Anda membuat permohonan untuk mendapatkan biasiswa kecil persekutuan. Siapakah yang berperanan menguruskan permohonan tersebut?
- A Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid
B Guru Penolong Kanan Kokurikulum
C Guru Penolong Kanan Pentadbiran
D Guru Besar

BT ms. 40

BT ms. 40

BAHAGIAN B

Jawab semua soalan.

▶ TEMPATKU MENIMBA ILMU

1 Tulis nama dan alamat sekolah berikut mengikut susunan yang betul.

(3.1) BT ms. 32 - 33

Pulau Pinang

Seberang Perai Selatan

14300 Nibong Tebal

Jalan Sempadan

Sekolah Kebangsaan Permatang Tok Mahat

(a) _____

(b) _____

(c) _____

(d) _____

(e) _____

2 Susun semula secara kronologi maklumat berkaitan dengan sekolah anda.

Maklumat

(a) Poskod

(b) Nama jalan

(c) Nama sekolah

(d) Nama negeri

Turutan Nombor

SEJARAH SEKOLAH

4 Tulis **BETUL** atau **SALAH** pada pernyataan sejarah Sekolah Kebangsaan Permatang Tok Mahat berikut. 1.3.3 BT ms. 36 – 37 TP

Pernyataan	Jawapan
(a) Pada tahun 1890, sebuah bangunan didirikan rendah seperti bangsal itik dinamakan sebagai Sekolah Permatang Tok Mahat.	
(b) Pada tahun 1956, sekolah ini dipindahkan ke padang bola yang lebih luas.	
(c) Pada tahun 2001, bangunan tambahan telah dibina bagi menampung bilangan tenaga pengajar dan pekerja am yang semakin bertambah.	
(d) Pada tahun 2005, sekolah ini mengungguli anugerah Sekolah Harapan Negara pada peringkat kebangsaan.	
(e) Pada tahun 2014, sekolah ini berjaya menempa sejarah selepas diiktiraf sebagai Sekolah Kluster Kecemerlangan.	
(f) Pada tahun 2017, Sekolah Permatang Tok Mahat memenangi anugerah <i>Double Gold Award</i> dalam pertandingan catur pada peringkat global.	

IDENTITI SEKOLAH

5 Padankan simbol pada bendera Sekolah Kebangsaan Permatang Tok Mahat berikut dengan maksud yang betul. 1.3.4 BT ms. 38 – 39 TP

(a) Obor	• Kemesraan antara murid dengan kakitangan sekolah
(b) Ikan, kapal dan lautan	• Cita-cita, matlamat dan dorongan untuk memajukan diri
(c) Warna biru	• Kejayaan yang ingin dicapai
(d) Warna putih	• Ilmu pengetahuan yang dicari di lautan yang luas
(e) Warna jingga	• Kemurnian dan kesucian ilmu

LOKASI SEKOLAH SAYA

- 3 Tulis nama mercu tanda yang terdapat pada pelan lokasi Sekolah Kebangsaan Permatang Tok Mahat berikut. I.3.2 BT ms. 35 TP

Masjid Permatang Tok Mahat

Hospital Parit Buntar

Stesen KTM Parit Buntar



Lokasi	Mercu Tanda
(a) P	
(b) Q	
(c) R	

Jawab semua soalan.

➤ SEJARAH SEKOLAH

- I Sekolah Kebangsaan Permatang Tok Mahat berjaya melakar nama pada peringkat antarabangsa dan memenangi pelbagai anugerah.

KI.3.6

BT ms. 36 – 37

TP

Tahun	Kejayaan
2005	Sekolah Harapan Negara pada peringkat kebangsaan
2014	Sekolah Kluster Kecemerlangan
2017	- Anugerah <i>Double Gold Award</i> <i>Best Inventor</i>

- (a) Senaraikan **dua** kejayaan yang dicapai oleh sekolah anda sama ada pada peringkat negeri, kebangsaan atau antarabangsa.

- (b) Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu memberikan penghargaan kepada pihak sekolah? **KBAT** Menilai
